SAMPEL PERCUMA

Modul Khas STPM 2023 Sejarah Semester 1 Pulau Pinang

Set penuh: Kertas Percubaan STPM

Sem 1 · Sejarah

Sampel ini: 8 muka surat. Set penuh ada:

- 3 fail PDF
- Semester 1: kertas percubaan (trial) negeri, subjek yang dipilih + skema
- Blueprint 30 hari Semester 1 (setiap subjek)
- Semester 3: percubaan 2024, 10 subjek, banyak negeri, soalan + skema dalam satu fail

RM12.90

BELI SET PENUH RM12.90 >

nightmew.com/p/stpm · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar

Sampel bermula di muka surat sebelah

940/1 STPM 2023

SEJARAH DUNIA

KERTAS 1

(Dua jam)

JABATAN PENDIDIKAN NEGERI PULAU PINANG

MODUL KHAS

SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA

Arahan kepada calon:

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA ANDA DIBENARKAN BERBUAT DEMIKIAN

Jawab empat soalan sahaja.

Markah untuk tiap-tiap soalan diberikan dalam tanda kurung [ ].

Kertas soalan ini mengandungi 80 markah.

Kertas soalan ini terdiri daripada 2 halaman bercetak.

*Jawab **empat** soalan sahaja.*

1. Bincangkan ciri-ciri kemajuan masyarakat maritim di Portugal pada abad ke-16 hingga abad ke-17 Masihi. [20 m]

2. Huraikan langkah-langkah yang diambil oleh Bismarck untuk mengukuhkan sosio-ekonomi Jerman selepas tahun 1871. [20 m]

3. Sejauhmanakah kemajuan industri mempengaruhi perkembangan ekonomi kapitalisme di England pada abad ke-18 dan 19 Masihi. [20 m]

4. Bincangkan faktor-faktor ekonomi yang mendorong perkembangan perdagangan Belanda pada abad ke-16 hingga 18 Masihi. [20 m]

5. Peristiwa Dahagi yang berlaku di India pada tahun 1857 telah menemui kegagalan. Bincangkan. [20 m]

6. Bincangkan kesan Perang Dingin terhadap kerjasama ketenteraan pada abad ke-20 M. [20 m]

KERTAS SOALAN TAMAT

SOALAN 1 : BINCANGKAN CIRI-CIRI KEMAJUAN MASYARAKAT MARITIM DI PORTUGAL PADA ABAD KE-16 HINGGA ABAD KE-17 MASIHI.

Pendahuluan

1. Masyarakat maritim merujuk kepada masyarakat yang bergantung kepada aktiviti berasaskan kelautan.
2. Masyarakat ini terlibat dalam aktiviti seperti perdagangan, perikanan, perkapalan dan perdagangan.
3. Portugal muncul sebagai kuasa maritim yang unggul pada abad ke-16 dan abad ke-17 M.
4. Ciri-ciri kemajuan masyarakat maritim di Portugal dapat dilihat dalam aspek-aspek tertentu.

Isi-isi utama

1. **Kemajuan teknologi perkapalan**
   - Mempunyai kemahiran dalam pembinaan perahu dan kapal.
   - Mereka mampu membina kapal-kapal besar seperti Caravel seberat 2000 tan.
   - Kapal-kapal ini dibina dengan menggunakan teknologi tinggi dan digunakan dalam pelayaran jarak jauh.
   - Kemajuan dalam pembinaan kapal menyebabkan muncul industri pembinaan kapal di Portugal.

2. **Kemajuan teknologi pelayaran**
   - Mempunyai kemahiran dalam menentukan arah pelayaran dengan menggunakan kompas magnetik dan astrolab yang digunakan untuk menentukan kedudukan kapal di tengah laut.
   - Mereka juga mempunyai kemahiran dan pengetahuan yang tinggi dalam ilmu pelayaran, ilmu nautika dan kartografi.
   - Sekolah pelayaran di Sagres melahirkan ramai ahli pelayaran dan jurumudi yang mempunyai pengetahuan dalam bidang pelayaran.
   - Mereka mencipta peralatan-peralatan baru seperti carta pelayaran dan peta benua Eropah yang terkini. Peta-peta pelayaran yang dihasilkan lengkap dengan catatan yang tepat mengenai sesuatu wilayah.
   - Kemajuan ini membolehkan pelaut Portugis melancarkan ekspedisi pelayaran ke Timur.

3. **Kemajuan penjelajahan dan penerokaan**
   - Penglibatan masyarakat maritim Portugal dalam bidang penjelajahan dan penerokaan bermula seawal abad ke-15.
   - Mereka mempunyai kemahiran dalam merancang dan melancarkan aktiviti penjelajahan dan penerokaan.
   - Tokoh-tokoh pelayaran seperti Diego Cam, Bartholomew Diaz dan Vasco da Gama berjaya menyeberangi Selat Gibraltar dan menawan pantai barat Afrika dan seterusnya melancarkan ekspedisi ke Timur.
   - Ekspedisi pelayaran oleh Vasco da Gama pada tahun 1497 dengan empat buah kapal seberat 120 ton dan 180 anak kapal berjaya merentasi lautan Hindi dan tiba di Calicut, India pada tahun 1498.
   - Jelaslah perkembangan ini menjadi asas bagi Portugal melakukan penjelajahan ke Asia Tenggara, China dan Jepun.

4. **Keupayaan menguasai jalan laut**
   - Penguasaan laluan laut membolehkan masyarakat maritim di Portugal menguasai pelabuhan, mendirikan pangkalan perdagangan dan mengasaskan koloni di tanah jahanan.
   - Pada tahun 1503, Francisco di Almeida memulakan usaha menguasai laluan perdagangan ke Timur untuk menghapuskan monopoli perdagangan rempah.

2. Pemulihan sosial

- Bismarck berusaha untuk merapatkan jurang antara golongan kaya dengan golongan miskin melalui rancangan pemulihan sosial.
- Antaranya beliau memperkenalkan undang-undang Insurans Sakit pada tahun 1885 yang membolehkan para pekerja mendapatkan kemudahan perubatan percuma dan juga gaji sekiranya mereka sakit.
- Selain itu, undang-undang untuk melindungi para pekerja yang cedera semasa bekerja turut diluluskan oleh beliau.
- Undang-undang Insurans Hari Tua turut diluluskan oleh kerajaan pada tahun 1889. Menurut undang-undang ini, sebahagian daripada gaji pekerja akan disumbangkan kepada tabung ini dan wang daripada tabungan ini boleh dikeluarkan apabila mereka bersara.
- Jelaslah bahawa rancangan pemulihan sosial ini telah berjaya menyatukan negara Jerman melalui perpaduan rakyat yang terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat.

3. Menyeragamkan sektor ekonomi

- Bismarck telah mengambil langkah menyeragamkan sistem percukaian, mata wang serta sistem timbangan dan sukatan di seluruh negara.
- Langkah ini bertujuan mengukuhkan dan menstabilkan ekonomi Jerman.
- Selain itu, beliau juga menyatukan sistem pos dan telegraf serta membina sistem perhubungan yang baik seperti jaringan jalan raya yang menghubungkan seluruh Jerman bagi menggalakkan perkembangan ekonomi.
- Sememangnya usaha yang dibuat oleh Bismarck ini telah berjaya mendapat sokongan daripada golongan peniaga dan pengilang yang menggerakkan ekonomi dan seterusnya mengukuhkan penyatuan Jerman

4. Membangunkan sektor perindustrian

- Bismarck mengambil langkah memastikan kekayaan sumber asli Jerman seperti arang batu, besi, potasium dan lignit digunakan dengan efektif bagi menjadikan Jerman sebuah negara perindustrian yang kaya.
- Kartel telah ditubuhkan untuk menyelaraskan pertumbuhan industri di Jerman.
- Pada tahun 1875 Reich Bank ataupun Bank Kebangsaan telah ditubuhkan.
- Selain itu, kawasan perusahaan baharu seperti Rhine, Ruhr dan Silesia telah diwujudkan untuk membangunkan sektor perindustrian di Jerman.

5. Memajukan sektor pertanian dan perindustrian

- Pelbagai langkah telah diambil oleh Bismarck untuk memajukan sektor pertanian dan perindustrian.
- Dalam bidang pertanian, hasil pengeluaran dapat ditingkatkan melalui penggunaan baja-baja murah yang dikeluarkan oleh kilang-kilang di Jerman.
- Pada tahun 1879 beliau memperkenalkan undang-undang tarif bagi menyekat kemasukan barangan dari negara Britain dan Perancis. Usaha ini bertujuan membantu pedagang dan juga petani Jerman yang tidak dapat bersaing dengan barangan yang dikeluarkan oleh negara-negara lain.
- Sesunggguhnya usaha yang diambil oleh Bismarck ini telah berjaya memajukan sektor pertanian dan perdagangan Jerman dan seterusnya dapat mengukuhkan penyatuan Jerman.

Kesimpulan

1. Kebijaksanaan Bismarck melakukan perubahan dalam pelbagai bidang telah berjaya menyatukan Jerman.
2. Bismarck telah berjaya menyatukan Jerman secara berperingkat sehingga menjadi salah sebuah negara yang kuat di Eropah dari segi ekonomi dan ketenteraan.

SOALAN 3 : SEJAUHMANAKAH KEMAJUAN INDUSTRI MEMPENGARUHI PERKEMBANGAN EKONOMI KAPITALISME DI ENGLAND PADA ABAD KE-18 DAN 19 MASIHI.

Pendahuluan

1. Kapitalisme merupakan sistem ekonomi dan sosial yang cenderung ke arah pengumpulan kekayaaan oleh individu tanpa gangguan kerajaan dan bermatlamatkan keuntungan.
2. Sistem ekonomi kapitalis digerakkan oleh kuasa pasaran dalam menentukan pengeluaran kos, penetapan harga barangan dan perkhidmatan, pelaburan dan pendapatan.
3. Sistem kapitalisme di England mengamalkan pemilikan secara persendirian terhadap harta benda atau alat-alat pengeluaran seperti kilang, tanah dan lombong yang dikategorikan sebagai modal.
4. Kemajuan industri adalah salah satu faktor yang mempengaruhi perkembangan ekonomi kapitalisme di England di samping faktor lain.

Isi-isi utama

1. Kemajuan Industri

- Permintaan yang tinggi bagi barangan tekstil telah membawa kepada penciptaan mesin pemintal yang pertama oleh James Hargreaves pada tahun 1764. Pada tahun 1795, Edmund Cartwright telah mencipta mesin tenun pertama yang menggunakan kuasa air. Kemajuan dalam perindustrian telah membawa kepada kemajuan peleburan besi dengan menggunakan arang batu untuk menghasilkan besi tempa bagi membuat peralatan besi. Pada akhir abad ke18, kuasa wap telah digunakan dalam industri untuk mengendalikan jentera
- Pelbagai kaedah baharu ditemui bagi memajukan industri perindustrian di England. Antaranya, Siemens menemui kaedah baharu untuk menghasilkan keluli daripada keluli belum tempa. Penggunaan teknologi tersebut membolehkan pertambahan pengeluaran dalam industri tekstil pada abad ke18. Industri besi juga menunjukkan pertambahan dalam pengeluaran selepas Revolusi Perindustrian di England. England mempunyai banyak sumber bijih besi telah mengeluarkan besi yang lebih bermutu.

2. Perkembangan bidang pertanian

- Sektor pertanian menggunakan sistem tanah dan kaedah pertanian baharu telah meningkatkan hasil tanaman. Petani di England mengamalkan sistem tanah berpagar untuk menggantikan tanah lapang. Pemagaran tanah dapat memisahkan kawasan yang dimiliki dan diusahakan daripada tanah yang diusahakan dan dimiliki oleh orang lain. Konsep ini berjaya mengenepikan adat serta peraturan tradisi yang diamalkan sebelumnya dan memberi kebebasan yang lebih kepada seseorang dalam usahanya untuk memajukan tanah yang disewa atau dimiliki.
- Penggunaan teknik penanaman baharu dan jentera diperkenalkan. Antaranya penggunaan alat penggali dan penabur oleh Jethro Tull. Penggunaan alat ini telah memudahkan para petani untuk menggali lubang dan menabur benih dalam jarak yang ditetapkan. Ini menyebabkan tanaman tumbuh secara teratur mengikut baris yang sama jaraknya dan memudahkan petani menggembur dan membersihkan tanah.
- Bagi menyuburkan tanah pula, kemajuan sains telah berjaya memperkenalkan baja tiruan kepada masyarakat petani. Penggunaan baja tiruan ini dapat memenuhi keperluan baja yang meningkat terutamanya dalam ladang-ladang yang luas. Kesuburan tanah juga dapat ditingkatkan dengan penggunaan baja kimia. Penggunaan kaedah dan pengenalan tanaman baharu juga telah meningkatkan sumbangan pertanian kepada ekonomi England.

3. Kemajuan sektor penternakan

- Para petani juga turut mengamalkan sisitem pertanian campuran iaitu menternak biri-biri dan lembu serta menanam rumput dalam kawasan pertanian yang sama. Kaedah

*Jawab **empat** soalan sahaja.*

1. Bincangkan kesan Revolusi Perindustrian kepada masyarakat Jerman pada abad ke-18 dan 19 Masihi. [20 m]

2. Terangkan usaha-usaha yang diambil oleh Peter The Great dari aspek sosio-politik bagi memantapkan sistem pemerintahan monarki di Rusia. [20 m]

3. Bincangkan peranan pembesar dalam sistem pemerintahan beraja di China pada abad ke-16 hingga 20 Masihi. [20 m]

4. Huraikan kesan zaman pencerahan dalam bidang ekonomi dan sosial di Eropah pada abad ke-18 Masihi. [20 m]

5. Krisis politik yang berlaku di Eropah telah mencetuskan Perang Dunia Pertama. Bincangkan. [20 m]

6. Jelaskan penglibatan Mahatma Gandhi dalam perkembangan nasionalisme di India. [20 m]

KERTAS SOALAN TAMAT

SOALAN 1 : BINCANGKAN KESAN REVOLUSI PERINDUSTRIAN KEPADA MASYARAKAT JERMAN PADA ABAD KE-18 DAN 19 MASIHI

Pendahuluan

1. Revolusi Perindustrian di Jerman berlaku pada tahap kedua lebih memberi penekanan besar dalam bentuk kapital kewangan.
2. Ini bermakna revolusi ini lebih dominan ke arah pelaburan, syarikat kewangan, modal dan pemilikan sendiri.
3. Pada tahap ini banyak teknologi yang digunakan berasaskan pelbagai bahan, sumber dan bentuk.
4. Banyak industri baharu yang wujud seperti elektrik, kimia, petroleum, dan logam ringan.
5. Terdapat pelbagai kesan hasil dari kemajuan Revolusi Perindustrian ini.

Isi-isi utama

1. Kemajuan Teknologi

- Revolusi Perindustrian telah menyebabkan berlaku kemajuan dalam bidang teknologi. Antara perubahan yang ketara ialah penggunaan tenaga elektrik bagi menghasilkan cahaya dan mengendalikan jentera, petroleum menggantikan arang batu untuk mengendalikan enjin dan keluli menggantikan besi sebagai galian utama.
- Kaedah penciptaan juga telah berubah bagi menghasilkan ciptaan baharu yang lebih baik. Kilang telah membina makmal penyelidikan dan menggunakan peralatan yang mahal untuk tujuan ini.
- Pada tahun 1860-an Sir Henry Bessemer telah mencipta sebuah relau baharu yang boleh menukar besi tempa menjadi keluli dalam kuantiti yang besar. Di Barat Jerman, perkembangan perindustrian meliputi pembukaan lombong arang batu dan bijih besi di Saxony dan Silesia. Pengeluaran arang batu bertambah dua kali ganda antara tahun 1860 hingga 1870, manakala bijih besi meningkat daripada 1.5 juta tan pada tahun 1871 kepada 8.5 juta tan pada tahun 1900.
- Ramai saintis yang terlatih dan berpengalaman dilahirkan bagi mencipta barangan baharu. Hasil ciptaan Siemens dan Martin menyebabkan pengeluaran keluli meningkat. Siemens juga menyebabkan syarikatnya terkenal dalam bidang kejuruteraan elektrik. Menjelang tahun 1913, Jerman muncul sebagai negara pertama menghasilkan barangan elektrik di dunia. Di samping itu, kajian tentang permintaan pasaran dijalankan bagi menghasilkan produk yang sesuai dengan kehendak pasaran.

2. Kemajuan Penyelidikan

- Bidang penyelidikan semakin bertambah pesat dijalankan bagi memajukan lagi bidang perindustrian. Banyak penyelidikan dari pelbagai jenis bahan kimia seperti ubat-ubatan dan bahan letupan dilakukan. Di samping itu, bahan kimia untuk menyuburkan tanah dan membunuh serangga perosak juga dihasilkan.
- Syarikat-syarikat kimia dan elektrik telah membina makmal penyelidikan perindustrian yang dilengkapi dengan ahli kimia dan fizik yang terlatih di universiti. Kesannya,Jerman berjaya memimpin dunia dalam industri kimia dan elektrik. Revolusi perindustrian kedua ini telah berkembang secara beransur-ansur. Perkembangan ini merangkumi industri kimia, penapisan dan pengedaran petroleum serta industri elektrik. Pada abad ke-20, industri automotif turut berkembang pesat dengan peralihan teknologi dari Britain ke Amerika Syarikat dan Jerman. Pada tahun 1900, industri kimia Jerman telah menguasai pasaran dunia untuk pewarna sintetik.
- Di dalam organisasi sektor kimia seperti Hoechst dan Bayer memberi Jerman mengawal lebih daripada 90% pasaran global.

3. Peranan Bank

- Dalam tempoh ini kartelisasi maya perbankan dan perkhidmatan pelaburan mengambil tempat yang mencetuskan perhubungan antara industri dan bank.
- Beberapa bank telah mula melabur dalam beberpa industri tertentu. Dari tahun 1870-an Darmstadter Bank melabur secara khusus dalam industri kereta api, Diskonto Gesselschaft

- Diberi kebebasan bertindak dalam hal-hal yang berkaitan dengan adat istiadat tempatan dan menjalankan perintah maharaja.
- Tegasnya, pembesar memainkan peranan yang penting dalam setiap aspek pentadbiran sama ada peringkat pusat mahupun wilayah.

2. Berperanan dalam bidang perundangan

- Membantu Maharaja menggubal undang-undang
- Menyediakan draf undang-undang edit dan warkah diraja
- Turut menguatkuasakan arahan dan titah perintah maharaja
- Tugas ini dijalankan oleh pembesar-pembesar yang menganggotai Sekretariat Agung.
- Jelas menunjukkan pembesar juga membantu maharaja dalam aspek perundangan.

3. Berperanan dalam bidang kehakiman

- Mempunyai kuasa membicarakan kes-kes di peringkat pusat dan wilayah
- Lembaga Keadilan ditubuhkan untuk uruskan hal ehwal kehakiman
- Pembesar-pembesar yang menganggotai lembaga ini mempunyai kuasa untuk menjatuhkan hukuman, memberi pengampunan, membicarakan kes-kes rayuan
- Pada zaman dinasti Ching, Pesuruhjaya Kehakiman dilantik untuk kendalikan hal ehwal kehakiman di peringkat provinsi
- Majistret daerah pula berperanan membicarakan kes-kes di peringkat daerah

4. Berperanan dalam bidang ketenteraan

- Pembesar pusat dilantik sebagai anggota Lembaga Peperangan pada zaman Ching
- Lembaga ini bertanggungjawab uruskan hal ehwal ketenteraan, uruskan pelantikan dan pemecatan pegawai tentera dan menetapkan polisi ketenteraan
- Pembesar-pembesar wilayah dilantik sebagai komander tentera
- Dibenarkan tubuhkan pasukan tentera di peringkat wilayah
- Berperanan memulihkan keamanan di wilayah masing-masing
- Dikehendaki menyediakan bantuan ketenteran kepada pemerintah pusat
- Pembesar juga memainkan peranan penting dalam aspek ketenteraan.

5. Berperanan dalam bidang ekonomi

- Pembesar membantu maharaja dalam aspek kewangan dan percukaian
- Menganggotai Lembaga Hasil dalam negara yang berperanan mengutip cukai daripada penduduk tempatan dan menguruskan pendaftaran tanah
- Menyerahkan sebahagian hasil cukai kepada maharaja
- Pesuruhjaya Kewangan dilantik di peringkat provinsi untuk menguruskan hal ehwal kewangan
- Terdapat juga pesuruhjaya bagi menguruskan garam, cukai dan bijiran di peringkat provinsi
- Majistret daerah ditugaskan mengutip cukai di peringkat daerah
- Pembesar juga memainkan peranan yang penting dalam bidang ekonomi

6. Berperanan dalam bidang keagamaan

- Pembesar memainkan peranan sebagai ketua agama di peringkat wilayah
- Dilantik oleh maharaja untuk uruskan hal ehwal keagamaan seperti upacara ritual dan kerohanian
- Pembesar peringkat pusat dilantik untuk mengetuai Lembaga Upacara yang berperanan mengendalikan upacara diraja, upacara korban dan upacara kematian dan majlis perkahwinan
- Jelas bahawa, pembesar juga bertanggungjawab membantu maharaja di peringkat pusat dan wilayah dalam aspek keagamaan.

TAMAT SAMPEL

Suka sampel ini?

Set penuh: Kertas Percubaan STPM

Sem 1 · Sejarah

Sampel ini: 8 muka surat. Set penuh ada:

- 3 fail PDF
- Semester 1: kertas percubaan (trial) negeri, subjek yang dipilih + skema
- Blueprint 30 hari Semester 1 (setiap subjek)
- Semester 3: percubaan 2024, 10 subjek, banyak negeri, soalan + skema dalam satu fail

RM12.90

BELI SET PENUH RM12.90 >

nightmew.com/p/stpm · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar